



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**

[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



**PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK-21)  
DALAM PENGAJARAN TARANNUM AL- QURAN**

*IMPLEMENTATION OF 21ST CENTURY LEARNING (PAK-21) IN TEACHING  
TARANNUM AL-QURAN*

Robiatul Adawiah Jamali<sup>1\*</sup>, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Malaysia

Email: are\_da8989@um.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Malaysia.

Email: tgsarina@um.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 20.10.2020

Revised date: 28.10.2020

Accepted date: 25.11.2020

Published date: 08.12.2020

**To cite this document:**

Jamali, R. A., & Kasim, T. S. A. T. (2020). Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) dalam Pengajaran Tarannum Al-Quran. International Journal of Modern Education, 2(7), 102-118.

**DOI:** 10.35631/IJMOE.27008

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



**Abstrak:**

Al-Quran dan Al-Sunnah merupakan sumber rujukan utama dalam mempelajari ilmu tarannum. Inti pati kedua-dua sumber ini dapat difahami melalui agenda Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Menyedari akan kepentingan perubahan reka bentuk pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) untuk generasi masa kini, inisiatif pembelajaran abad ke-21 telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di seluruh negara yang menggariskan ciri-ciri pembelajaran yang lebih dinamik dan memenuhi keperluan masa kini. Oleh itu, artikel ini membincangkan hasil kajian yang memfokuskan kepada pelaksanaan pengajaran tarannum al-Quran dalam kalangan guru pelatih Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Quran (KKQ). Kajian yang dijalankan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah triangulasi iaitu temu bual semi-struktur, pemerhatian sesi pengajaran dan analisis dokumen terhadap enam orang informan guru pelatih Sarjana Muda Pendidikan Islam, penghususan dalam Pengajaran al-Quran. Dapatkan kajian mendedahkan bahawa para informan berjaya melaksanakan pengajaran tarannum al-Quran berdasarkan elemen pembelajaran abad ke-21 (PAK 21) secara dinamik. Disamping itu, pelaksanaan pengajaran tarannum al-Quran berdasarkan PAK 21 turut diaplikasikan dalam sesi PdPc melalui kepelbagaiannya strategi pengajaran dan

Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai. Justeru, penulisan artikel ini mencadangkan agar pelaksanaan pengajaran tarannum al-Quran perlu diperkaskan dari masa ke semasa terutama dalam aspek pengaplikasian strategi PAK 21 dan BBM agar ianya sesuai dengan keperluan pelajar masa kini.

**Kata Kunci:**

Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21); Pengajaran; Tarannum Al-Quran; Guru Pelatih Pendidikan Islam Motivasi

**Abstract:**

Al-Quran and Al-Sunnah are the main sources of reference in learning tarannum. The essence of these two sources can be understood through the agenda of the National Philosophy of Education (FPK), Philosophy of Islamic Education (FPI), and the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013-2025. Recognizing the importance of changing learning and facilitating (PdPc) for the current generation, 21st-century learning initiatives have been launched by the Ministry of Education Malaysia (MOE) nationwide which outlines more dynamic learning features and meets current needs. Therefore, this article discusses the results of a study that focuses on the implementation of the teaching of tarannum al-Quran among trainee teachers of the Special Class for Reading and Memorizing Al-Quran (KKQ). The study was conducted using a qualitative research design by applying the method of triangulation, namely semi-structured interviews, observation of teaching sessions, and document analysis on six informants of trainee teachers of Bachelor of Islamic Education, specializing in Quranic Studies. In addition, the implementation of the teaching of tarannum al-Quran based on PAK 21 is also applied in PdPc sessions through a variety of teaching strategies and appropriate Teaching Aids (BBM). The findings of the study revealed that the informants successfully implemented the teaching of tarannum al-Quran based on the 21st century.

**Keywords:**

21st Century Learning (PAK 21); Teaching; Tarannum Al-Quran; Islamic Education Trainee Teachers

**Pendahuluan**

Al-Quran merupakan rujukan utama dalam menulusuri perjalanan hidup setiap manusia. Para ulama menyimpulkan bahawa al-Quran ialah kalam Allah S.W.T yang mulia dan bermukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W secara *mutawatir*, dimulakan dengan surah al-Fatiha dan diakhiri dengan surah an-Nas serta mendapat pahala apabila membacanya (Mohd.Yusuf, 2005). Kemuliaan al-Quran dapat dilihat melalui keagungan mukjizatnya dan keunikan gaya bahasa yang terdapat di dalam mashafnya. Keunikan intipati al-Quran secara tersiratnya boleh diperhalusi melalui pembelajaran ilmu tarannum (Sharifah, Shafiee & Tasnim, 2018) secara mendalam dan berterusan. Menurut Shihabudin (2007), ilmu tarannum merupakan seni suara dalam pembacaan al-Quran secara berlagu. Saranan membaca al-Quran secara bertarannum ini diperkuuhkan dengan dalil dari hadith Nabi Muhammad S.A.W seperti di bawah:

لَيْسَ مِنَ الْمُّنْكَرِ بِالْقُرْآنِ

“Bukanlah dari kalangan kami (umatku) orang yang tidak melagu-lagukan (bertaranum) dengan al-Quran” (Al-Baihaqi, 1987).

Nik Jaafar (2012) mentakrifkan *tarannum bil Quran* adalah suatu ilmu atau kaedah suara yang dipelbagaikan dengan bunyi mengikut proses nada, rentak dan irama tertentu bagi menambah keelokan seni bacaan al-Quran. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Muzammil ayat keempat seperti di bawah menerangkan tentang keperluan membaca al-Quran secara *al-tartil*.

وَرَتَّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

“Dan bacalah Al-Quran dengan tartil” (Surah al-Muzammil: 4)

Ibnu Manzur (1405h) dalam kitabnya, *Lisan al-Arab* menjelaskan bahawa *al-tartil* bermaksud sebaik-baik bacaan, terang makhrajnya dan perlahan-lahan. Apakah kaitan *al-tartil* dengan *tarannum al-Quran*? Nik Ja’afar (2012) mengklasifikasikan bacaan Rasulullah S.A.W secara *al-tartil* merangkumi elemen tajwid, tarannum, fasohah dan suara. Oleh itu, kenyataan tersebut difahami bahawa ilmu *tarannum* merupakan salah satu elemen yang perlu dikuasai untuk memcapai tahap bacaan al-Quran secara *al-tartil*.

Ilmu *tarannum al-Quran* telah berkembang di sekolah melalui program Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) di bawah inisiatif konsisten Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1986 (JAPIM, 2004). Pelaksanaan program KKQ bertujuan untuk memperkasakan kemahiran al-Quran dalam kalangan pelajar sekolah seiring dengan tuntutan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memfokuskan kepada pembentukan kemahiran kendiri pelajar dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Sukatan pelajaran program KKQ merangkumi kemahiran tarannum, hafazan, tajwid, ulum al-Quran dan Qiraat Sab’ah. Menurut Syed Ismail (2018), kemenjadian pelajar dalam era globalisasi ini memerlukan intervensi tiga elemen utama iaitu sistem pendidikan, guru dan pelajar yang perlu diterapkan dengan nilai Pembelajaran Abad Ke 21 (PAK 21). Justeru, guru berperanan penting dalam membentuk kualiti generasi abad ke-21 dengan nilai-nilai insaniah yang tinggi melalui pelaksanaan PAK 21 dalam PdPc. Guru abad ke-21 perlu bersedia untuk menerapkan strategi pengajaran PAK 21 merangkumi elemen “4C” iaitu *communication* (komunikasi), *collaboration* (kolaborasi), *creative* (kreatif) dan *critical thinking* (pemikiran kritis).

Merujuk kepada kajian lepas, corak pengajaran guru akan mempengaruhi pembentukan pemikiran kritis pelajar sekolah (Marin & Halpern, 2011; Philips, 2013; Rosnani, Suhailah & Juhasni, 2014). Pelaksanaan strategi pengajaran yang merangsang daya fikir pelajar (Nursafra, Wan Ali & Isa, 2018) dan dibantu dengan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai amat digalakkan bagi mewujudkan suasana pembelajaran aktif di dalam kelas. Justeru, penulis mengetengahkan kelompok guru sebagai sampel perbincangan kerana peranannya sebagai agen utama dalam mendokong pelaksanaan gelombang kedua transformasi pendidikan ke arah masyarakat Malaysia yang berdaya saing, kreatif, inovasi, rasional dan kompeten (Tengku Sarina & Fatimah, 2018; Yusmarwati & Halizah, 2015).

Namun begitu, skop perbahasan memfokuskan kepada peranan guru pelatih Pendidikan Islam dalam mendepani cabaran pelaksanaan PAK 21 dalam *tarannum al-Quran*. Hal ini disebabkan

pelbagai isu dan persoalan dalam kalangan guru pelatih perlu dirungkaikan dengan lebih mendalam (Abdull Sukor, Izam & Nurahimah, 2016; Ab Hamid, Abdullah & Ridzuan, 2017), disamping membantu mempersiapkan diri mereka sebelum berada dalam realiti dunia keguruan.

### Masalah Kajian

Pelaksanaan pengajaran tarannum al-Quran dalam program KKQ telah dilaksanakan secara menyeluruh di sekolah-sekolah menengah di Malaysia seperti Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI). Walaupun program KKQ menjangkau 34 tahun pelaksanaannya di sekolah, namun masih terdapat beberapa isu yang dikaitkan dengan keberkesanannya terhadap pelajar (Eadil, 2010; Mazhair, 2014; Jahidah & Azmil, 2014; Azmil & Jahidah, 2015). Oleh itu, penulisan ini memfokuskan kepada pelaksanaan PAK-21 dalam pengajaran tarannum al-Quran dari aspek pedagoginya meliputi strategi pengajaran dan BBM yang diguna pakai oleh guru pelatih.

Konsep PAK 21 menegaskan bahawa guru bukan lagi bertindak sebagai pemberi utama sumber ilmu pengetahuan semata-mata, akan tetapi guru bertindak sebagai pemudah cara, agen perubahan dan sumber inspirasi kepada pelajar. Menurut Raja Abdullah & Daud (2018), guru pelatih seharusnya bersedia dengan kemahiran PAK 21 meliputi Pembelajaran dan Kemahiran Inovasi (*Learning And Innovation Skills*); Kemahiran Maklumat, Media dan Teknologi (*Information, Media And Technology Skills*) seperti yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Namun begitu, masih terdapat isu melibatkan segelintir guru pelatih berkaitan kesukaran merancang aktiviti Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang sesuai dengan pelajar (Raja Abdullah & Daud, 2018), mengawal keadaan kelas, mengatasi masalah disiplin pelajar dan melaksanakan PdPc berpusatkan pelajar dengan baik (Kahirul Anwar, 2014; Sukor, Izam & Nurahimah, 2016). Situasi ini memberi gambaran awal bahawa kekurangan persediaan untuk mendepani cabaran PAK 21 membuatkan guru pelatih mengalami sedikit kesukaran bagi mewujudkan pengajaran secara berkesan.

Kajian yang dijalankan oleh Raja Abdullah dan Daud et.al (2018) mengenai penerapan konsep “4C” dalam pengajaran menunjukkan aspek kreatif dan pemikiran kritis berada pada tahap sederhana. Disamping itu, aspek kreatif dan inovatif dalam pembinaan bahan PdPc jarang diamalkan oleh guru pelatih walaupun terdapat sebahagian daripada mereka melaksanakan PdPc yang menggunakan bahan interaktif. Dapatkan kajian tersebut turut menampakkan segelintir guru pelatih yang tidak pernah menggalakkan pelajar mengeluarkan pendapat mereka sendiri ketika melaksanakan sesi PdPc. Hal ini selari dengan dapatan Sukor, Izam dan Nurahimah (2016) yang menjelaskan bahawa antara faktor guru pelatih kurang menekankan PAK 21 dalam pengajaran disebabkan kurangnya kemahiran dalam mengawal keadaan kelas semasa beraktiviti sehingga menyebabkan objektif pengajaran tidak tercapai dengan sempurna.

Begitu juga dapatan kajian Khairul Anwar (2014) yang merungkai beberapa permasalahan dalam kalangan guru pelatih antaranya ialah kurangnya kemahiran mengawal disiplin pelajar dan amalan pengurusan bilik darjah yang berkesan. Guru pelatih yang tidak mempunyai pengalaman mengajar di sekolah kebiasaannya sukar untuk mengawal keadaan terutamanya apabila berhadapan dengan pelajar yang bermasalah dalam bilik darjah. Oleh itu, perihal pentingnya guru pelatih untuk memilih dan menentukan pendekatan serta kaedah pengajaran

yang sesuai dengan tahap kognitif pelajar disamping penggunaan BBM yang menarik untuk membantu kelancaran perjalanan PdPc dengan berkesan. Penulisan ini akan mengetengahkan beberapa inisiatif guru pelatih Pendidikan Islam dalam pelaksanaan pengajaran tarannum al-Quran selari dengan keperluan PAK 21.

### **Objektif Kajian**

Penulisan ini merupakan kesinambungan daripada hasil penulisan sebelumnya yang didapati bahawa guru pelatih Pendidikan Islam sememangnya telah mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran disamping menggunakan BBM dalam pengajaran tarannum al-Quran. Justeru itu, penulis menetapkan dua objektif utama yang perlu dirungkai secara sistematik untuk mengetahui pelaksanaan pengajaran tarannum al-Quran di sekolah.

1. Mengenal pasti pengaplikasian guru pelatih terhadap strategi pengajaran berunsurkan Pembelajaran Abad Ke 21 (PAK 21) dalam pengajaran tarannum al- Quran.
2. Mengenal pasti Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan oleh guru pelatih Pendidikan Islam dalam pengajaran tarannum al-Quran.

Berdasarkan kedua-dua objektif tersebut akan memperlihatkan satu dimensi pelaksanaan pengajaran tarannum al-Quran yang sesuai dengan kehendak transformasi pendidikan hari ini.

### **Pelaksanaan Pengajaran Tarannum Al-Quran Di Sekolah-Sekolah Di Malaysia**

Status kelas KKQ sebagai salah satu aktiviti kokurikulum dijalankan pada luar waktu rasmi sekolah selama tiga jam seminggu. Salah satu topik dalam sukanan pelajaran KKQ ialah ilmu tarannum. Merujuk buku panduan KKQ menjelaskan berkaitan sukanan pelajaran tarannum seperti jadual di bawah (KPM, 2016):

	<b>Teori</b>	<b>Praktikal</b>
Tingkatan 1	Suara dan sejarah ilmu tarannum Sejarah tarannum <i>bayati</i> dan <i>husaini</i>	Mengalunkan lagu <i>bayati</i> & <i>husaini</i>
Tingkatan 2	Sejarah tarannum <i>nahwand</i> dan <i>rast</i>	Mengalunkan lagu <i>nahwand</i> & <i>rast</i>
Tingkatan 3	Sejarah tarannum <i>hijaz</i> dan <i>soba</i>	Mengalunkan <i>hijaz</i> & <i>soba</i>
Tingkatan 4	Sejarah tarannum <i>sikah</i> dan <i>jiharkah</i> Istilah-istilah dalam ilmu tarannum	Mengalunkan lagu <i>sikah</i> & <i>jiharkah</i>
Tingkatan 5	Istilah-istilah dalam ilmu tarannum	Mengalunkan lagu <i>hijaz</i> , <i>sikah</i> & <i>jiharkah</i>

**Jadual 1: Sukanan Pelajaran Tarannum**

Kebiasaannya, sebelum sesi pembelajaran tarannum secara praktikal dijalankan, guru-guru perlu memberi pengenalan awal berkenaan latar belakang setiap jenis tarannum sebagai pengetahuan awal bagi menarik minat pelajar. Ini membuktikan betapa pentingnya persediaan guru dari aspek kefahaman isi pengajaran dan strategi pengajaran sebelum memulakan sesi pengajaran. Namun begitu, satu kajian yang telah dijalankan oleh Zulkifli (2014) bagi mengenal pasti tahap penguasaan ilmu tarannum dalam kalangan 66 orang guru di SMKA dan SMK sekitar Selangor mendapati, seramai 20 orang guru mampu menguasai isi kandungan ilmu tarannum dengan baik. Manakala, seramai 46 orang guru yang lain hanya dapat menguasai

ilmu tarannum pada tahap sederhana sahaja. Situasi seperti ini akan menyebabkan proses PdPc terganggu dan tidak dapat berjalan dengan lancar (Nasir, Sedek & Zulkifli, 2017). Justeru, guru perlu mempunyai persediaan dari aspek pendekatan dan kaedah pengajaran bagi memastikan kelompangan pengajaran dapat diatasi dengan bijak dan cermat.

Dapatkan kajian Mazhair et.al (2014) menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran tarannum yang menjadi keutamaan dalam kalangan pelajar adalah *talaqqi musyafahah* bersama guru. Di samping itu, hasil kajian tersebut juga memperlihatkan sikap pelajar yang gemar bertarannum berdasarkan kefahaman ayat al-Quran. Hal ini bermaksud, al-Quran perlu difahami oleh sesiapa sahaja yang membacanya. Jika ayat-ayat yang dibaca itu berbentuk azab, dukacita atau sedih maka, irama bacaan adalah selari dengan maksud ayat al-Quran. Walaupun daptan menunjukkan pelajar gemar bertarannum berdasarkan kefahaman ayat, namun masih terdapat pelajar yang tidak dapat mengalunkan tarannum dengan baik. Hal ini berkemungkinan dipengaruhi oleh corak pengajaran guru yang hanya memfokuskan kepada satu kaedah pengajaran sahaja tanpa melihat kepada keperluan dan keadaan semasa setiap pelajar. Justeru, penulisan ini akan mengetengahkan beberapa strategi pengajaran yang diaplikasikan oleh guru pelatih semasa latihan mengajar sesuai dengan keperluan dan kehendak pendidikan masa kini.

### Konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21)

Agenda melahirkan modal insan minda kelas pertama dan berkualiti tinggi amat bertepatan dengan apa yang digariskan dalam gagasan PPPM 2013-2025 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Para pelajar seharusnya dilengkappan dengan kemahiran dan kompetensi kurikulum yang moden bertujuan untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, mempunyai inkuiri yang tinggi, mempunyai kemahiran berfikir dan berkomunikasi dengan berkesan. Hal ini memerlukan tindakan proaktif seorang guru pelatih yang dilatih dan dibimbing bagi mewujudkan PdPc yang berkesan serta berkualiti.

Bagi mewujudkan PdPc yang berkualiti, guru pelatih perlu mempunyai kemahiran PAK 21 merangkumi pembelajaran dan kemahiran inovasi (*Learning and Innovation Skills*), kemahiran maklumat, media dan teknologi (*Information, Media and Technology Skills*), kemahiran hidup dan kerjaya (*Life and Career Skills*). Kemahiran-kemahiran ini boleh diaplikasikan dalam pengajaran tarannum melalui konsep “4C” (Yusuf & Rusman, 2019). Strategi pengajaran haruslah dijalankan dengan bercirikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan berpusatkan pelajar di samping penggunaan BBM yang menarik. Persediaan guru yang cukup dalam mengaplikasikan konsep PAK 21 ini bakal melahirkan guru yang kompeten dan memenuhi cabaran pendidikan mendatang.

Penerimaan PAK 21 dalam kalangan pelajar masih pada tahap sederhana (Raja Abdullah & Daud et.al, 2018). Hal ini menggambarkan kemahiran yang dimiliki oleh guru untuk menerapkan pedagogi PAK 21 masih perlu ditingkatkan. Menurut Masyuniza dan Zamri (2013) mendapati aspek komunikasi berkesan dalam PdPc berada pada tahap sederhana ( $\text{min}=3.69$ ). Aspek komunikasi yang berkesan merupakan elemen utama dan penting dalam mewujudkan sikap saling membantu antara pelajar, memupuk sikap positif dan menjalinkan hubungan silaturrahim yang baik antara guru dan pelajar. Guru pelatih Pendidikan Islam perlu berperanan sebagai *muallim, mudarris, mursyid* dan *murabbi* yang bertanggungjawab mendidik dan melahirkan generasi Ulul Albab demi kelangsungan ummah.

Penerapan nilai KBAT yang melibatkan unsur kreatif dan kritis juga perlu diberi penekanan lebih mendalam sepanjang menjalani latihan mengajar (Raja Abdullah & Daud et.al, 2018). Pengajaran tarannum al-Quran juga memerlukan guru pelatih menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar. Walaupun guru pelatih diberi pilihan untuk menggunakan kaedah konvensional seperti *talaqqi* dan kaedah pengulangan dalam pengajaran tarannum al-Quran, namun sebagai guru pelatih yang kompeten digalakkan untuk mengadun kaedah pengajaran tersebut dengan BBM yang sesuai agar PdPc aktif tetap dapat dihasilkan. Hal ini disebabkan paradigma baru PAK 21 memerlukan PdPc berbentuk dinamik untuk mendidik generasi muda yang dipengaruhi oleh revolusi teknologi digital (Benade, L., 2015).

Justeru, keperluan PAK 21 dalam pendidikan masa kini memerlukan komitmen guru yang tinggi agar kemenjadian guru dan pelajar dapat direalisasikan secara seiring dan dimanfaatkan dalam masyarakat. Abd. Halim dan Hanani (2017) menyimpulkan bahawa terdapat 4 ciri utama untuk membentuk guru abad ke-21 iaitu; menguasai isi kandungan pengajaran; memahami perkembangan dan psikologi pelajar; penerapan kemahiran pedagogi pendidikan (strategi pengajaran) dan mempunyai kemahiran kaunseling.

### **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian penting dalam memastikan sesuatu dapatan dan objektif kajian tercapai (Chua, 2006). Objektif penulisan ini bertujuan untuk mengetahui kesediaan guru pelatih Pendidikan Islam dan proses pengajaran tarannum al-Quran, maka penulis memilih untuk menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Penulis telah menggunakan kaedah temu bual semi struktur, pemerhatian kelas dan penelitian dokumen sebagai strategi pengumpulan data kajian ini. Sebanyak dua fasa temu bual telah disusun bersama informan bagi memenuhi tuntutan soalan kajian yang telah digariskan. Seramai 6 orang informan telah dipilih melalui persampelan bertujuan (*purposive sampling*) untuk terlibat secara langsung dalam kajian ini; iaitu 4 lelaki dan 2 perempuan.

Proses pengumpulan data dalam kajian ini telah menggunakan dua jenis instrumen. Pertama, protokol soalan temu bual bagi kaedah temu bual dan kedua, protokol senarai semak pemerhatian bagi kaedah pemerhatian. Pembinaan kedua-dua instrumen ini berkait rapat dengan persoalan kajian dan mengambil kira analisis terhadap dokumen, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan objektif. Setelah selesai temu bual fasa 1, penulis telah melakukan pemerhatian dan temu bual fasa 2 sebagai salah satu kaedah triangulasi bagi menganalisis kandungan dan pelaksanaan pengajaran tarannum al-Quran dalam kalangan guru pelatih. Penulis akan memperolehi info-info yang tidak disedari oleh informan melalui proses triangulasi seperti bahasa tubuh badan dan pandangan mata pelajar.

Proses analisis data kajian telah menggunakan kaedah teoritikal tematik yang diperkenalkan oleh Braun dan Clark (2016). Penulis akan mencatat semula dapatan-dapatan temu bual yang diperolehi mengikut kaedah yang telah ditetapkan untuk membina tema-tema dan kod-kod khas bagi memudahkan pembinaan laporan dapatan kajian yang berkualiti. Penulis telah menggunakan perisian Atlas.ti versi 7.0 bagi mensistematiskan data-data yang telah dikumpulkan dalam kajian ini.

## Dapatan & Perbincangan

Secara keseluruhannya, hasil analisis dapatan kajian mendedahkan penemuan dua tema yang berkait rapat dengan elemen strategi pengajaran sebagai objektif pertama dan objektif kedua; penggunaan BBM dalam pengajaran tarannum al-Quran.

Tema Pertama : Pendekatan Pengajaran Berpusatkan Pelajar

Tema Kedua : Faktor Kebolehcapaian dan Penggunaan Peta *i-think*

### Pendekatan Pengajaran Berpusatkan Pelajar

Strategi pengajaran merupakan rangkuman elemen pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan guru dalam suatu pengajaran. Semua informan bersetuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan asas tentang pendekatan pengajaran yang dipelajari dari Kursus Pedagogi Pendidikan dalam Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM). Pengetahuan berkaitan pendekatan pengajaran perlu dipelajari dan difahami secara mendalam oleh guru pelatih kerana generasi abad ke-21 memerlukan kepelbagaiant gaya pengajaran dalam PdPc. Hal ini dapat dibuktikan melalui temu bual bersama Ustaz Afiq berkaitan pandangannya terhadap penerapan pendekatan pengajaran:

*“...pensyarah pesan, kelas kita akan mati kalau tiada strategi pengajaran... strategi merangkumi pendekatan, kaedah dan teknik... seingat saya pendekatan terdiri daripada berpusatkan pelajar, guru dan bahan... setiap pendekatan ni ada baik buruk... pilih ikut keperluan pelajar kita...”* (Afiq)

Namun begitu, pengetahuan Ustaz Arif lebih terbuka disebabkan beliau pernah berkhidmat sebagai guru sementara di salah sebuah sekolah swasta. Beliau banyak menerima pengetahuan tambahan berkaitan strategi pengajaran dari sekolah tempat beliau bertugas dahulu. Sekolah tersebut menyediakan kursus kepada guru-guru untuk mempelajari beberapa pendekatan pengajaran untuk diaplikasikan kepada pelajar.

*“... kebanyakan guru berusaha untuk guna pendekatan berpusatkan pelajar selepas guru besar anjurkan kursus-kursus abad ke-21... pelajar diajar berfikir untuk dapatkan isi pengajaran yang disusun guru... kelas bertukar aktif dan meriah sebab cikgu main peranan yang betul... kadang-kadang memang ada subjek yang perlu guna pendekatan berpusatkan guru contohnya hafazan tapi kita kena kreatif untuk jadikan hafazan tu menarik dengan kaedah pengajaran aktif... kalau saya ajar tarannum pula, saya suka guna pendekatan yang menyeronokkan... tak semua minat tarannum... jadi saya kena pandai tarik minat mereka dan kena buang sifat malu pelajar untuk mencuba...”* (Arif)

Berdasarkan beberapa pandangan informan di atas menunjukkan kefahaman yang jelas berkaitan pendekatan pengajaran dan fungsinya sama ada pengajaran berpusatkan pelajar mahupun pengajaran berpusatkan guru serta mereka bersedia untuk mengaplikasikannya dalam pengajaran tarannum al-Quran. Pemerhatian dalam kelas Ustaz Afiq mendapati bahawa beliau telah mengaplikasikan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar melalui amalan memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai dan mempelajari ilmu tarannum. Sebagai contoh, Ustaz Afiq telah menyediakan 2 aktiviti yang sesuai dengan tajuk pengajaran pada hari tersebut iaitu pengenalan *harakat, mahattah* dan *qit’ah*. Tindakan Ustaz Afiq melaksanakan soal jawab

kuiz dua hala dan merakam sesi PdPc melalui *live facebook* telah mendorong pelajar untuk bergerak aktif. Beberapa pelajar terpegun sehingga segelintir mereka menyatakan “*sopan-sopan, nanti mak awak nampak dalam kelas ni*”, “*fokus-fokus, awak sedang diperhatikan*”, “*haish, aku kena tunjuk bakat ni*”. Ragam pelajar-pelajar ini sedikit sebanyak memudahkan Ustaz Afiq untuk mengawal mereka semasa aktiviti-aktiviti sedang dijalankan. Beberapa orang pelajar secara sukarela tampil ke hadapan berkongsi pandangan mereka berkaitan *harakat, mahattah* dan *qit'ah* tanpa merujuk kepada guru. Suasana kelas menjadi aktif apabila mereka saling berbincang pandangan yang betul sambil dibimbing oleh Ustaz Afiq.

Ustaz Afiq dan rakannya Ustaz Amir kerap kali berjumpa dengan guru Pendidikan Islam dan guru al-Quran yang lain untuk mengetahui beberapa pendekatan yang sesuai diaplikasikan untuk pelajar-pelajar mereka. Mereka juga telah membawa penulis ke Laman PAK 21 yang terletak di hadapan pejabat sekolah. Hasil pemerhatian penulis mendapati guru-guru di sekolah tersebut telah diterapkan dengan budaya PAK 21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Terdapat banyak poster dan lukisan pelajar yang menterjemahkan fahaman mereka terhadap PAK 21. Menurut Ustaz Amir, setiap panitia telah mengadakan pertandingan mencipta poster dalam kalangan pelajar dan guru bertemakan PAK 21 dan pemenang dipilih berdasarkan kekreatifan hasil lukisan dan isi kandungan poster yang dikaitkan dengan setiap subjek di bawah panitia masing-masing.

Disamping itu, kepelbagaiannya pendekatan pengajaran yang digunakan guru merupakan atas perkembangan potensi dan kemahiran pelajar dalam pengajaran tarannum al-Quran. Pengajaran tarannum al-Quran memerlukan pemfokusan para pelajar untuk menguasainya menepati ciri-ciri al-lahjah al-‘arabiyyah (Wan Hilmi, Hamdi & Sabri et.al, 2019). Dapatkan temu bual menunjukkan majoriti informan bersetuju bahawa pengajaran tarannum al-Quran mampu membina dan menggilap bakat dan potensi pelajar. Para pelajar diberi peluang mempelajari atas ilmu tarannum yang terdiri daripada bentuk suara, harakat, mahattah serta jenis-jenis tarannum. Sebagai contoh, Ustazah Amirah berpandangan bahawa:

“... tarannum al-Quran boleh dipelajari di semua peringkat umur bermula seawal peringkat sekolah... pelajar bebas belajar tarannum walaupun mereka tiada suara yang sedap... kadang-kadang pelajar saya ni malu-malu bila saya ajak baca al-Quran dengan berlagu... sebenarnya tarannum ini bukan milik pelajar yang mempunyai suara sedap sahaja... tapi untuk semua yang berminat dan ada kecenderungan...” (Ustazah Amirah)

Ustazah Amirah berpandangan bahawa perkembangan bakat pelajar boleh bermula dari peluang yang diberikan oleh guru untuk mempelajari ilmu tarannum al-Quran. Guru berperanan sebagai fasilitator atau pembimbing untuk membantu pelajar menguasai ilmu tarannum dengan mudah melalui beberapa pendekatan dan kaedah yang bersesuaian (Shahabudin, Rohizani & Mohd Zohir, 2013). Pelajar pula perlu meneroka sendiri isi kandungan pelajaran yang dipelajari. Hal ini bersesuaian dengan teori konstruktivisme yang menekankan keterlibatan pelajar secara optimum dalam PdPc mereka. Situasi ini membuktikan guru pelatih telah mengaplikasikan pendekatan pemasukan pelajar sesuai dengan kehendak dan keperluan PAK 21. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Ustazah Afiqah dalam temu bual seperti petikan di bawah:

*“... kadang-kadang pelajar sendiri tidak sedar mereka mempunyai bakat seni suara tersendiri... kalua cikgu minta baca al-Quran secara berlagu, ramai yang pandang bawah... masa itu peranan cikgu bermula... macam mana nak jadikan pelajar yang tunduk bawah boleh angkat muka bila ditanya guru... barangkali dari 20 orang yang tunduk ada seorang dua pelajar yang mempunyai suara emas...” (Afiqah)*

Menurut Ustazah Afiqah, bakat pelajar ini dapat dikenal pasti apabila informan mengatakan “*saya beri peluang kepada pelajar untuk kuasai tarannum dengan cara mereka sendiri*”. Menurut Brophy & Good (1986) mejelaskan bahawa pelajar mampu mencapai kejayaan yang lebih cemerlang sekiranya mereka berusaha untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri setelah diberi peluang oleh guru untuk menonjolkan bakat dalam proses pembelajaran.

Selain itu, Ustaz Azil mendapati beberapa orang pelajarnya mempunyai kemahiran kepimpinan yang tinggi. Hal ini seiring dengan enam aspirasi murid dalam PPPM 2013-2025 iaitu; membentuk kemahiran kepimpinan dalam diri pelajar. Ustaz Azil menjelaskan bahawa beberapa maklum balas dari pelajar menunjukkan kebolehan kepimpinan dalam diri mereka seperti berkeyakinan mengalunkan tarannum di hadapan kelas walaupun alunan kurang tepat, berani memperbaiki bacaan rakan lain, sukarela membaca ayat al-Quran secara berlagu tanpa dipaksa oleh guru.

Oleh itu, ciri-ciri kepimpinan yang terbentuk telah memupuk minat yang mendalam dalam diri mereka untuk terus mempelajari ilmu tarannum al-Quran. Hal ini turut dipersetujui Ustaz Amir melalui kenyataannya:

*“mereka minat belajar tarannum... katanya rasa tenang dan yakin dengan bacaan sendiri... kerap kali juga mereka suka rela nak bertarannum masa dalam kelas... dan minta cikgu semak alunan bacaan... seorang pelajar saya selalu mintak saya buat kelas khusus untuk dia dan 2 orang rakannya sebab nak belajar lebih tentang tarannum... pelajar macam ini yang saya suka.. betul salah tarannumnya tu belakang kira tapi yang penting mereka ada usaha nak mencuba...” (Amir)*

Hal ini jelas menunjukkan bahawa sifat yakin diri dan kesungguhan yang dizahirkan pelajar akhirnya menimbulkan perasaan minat yang mendalam untuk mempelajari ilmu tarannum. Ustaz Amir telah berjaya mencungkil bakat dan potensi pelajar sehingga boleh menimbulkan minat untuk terus mempelajari ilmu tarannum al-Quran. Situasi ini antara faktor kejayaan pengajaran tarannum al-Quran; di mana ianya menjadi ukuran kebolehpercayaan dan kefahaman guru terhadap pelaksanaan pengajaran tarannum di era kontemporari ini. Pemerhatian di dalam kelas juga mendapati Ustaz Amir banyak menggunakan kemahiran interaksi dua hala ketika berkomunikasi dengan pelajar agar mereka seronok untuk menguasai ilmu tarannum.

Justeru, kemahiran kepimpinan yang diterapkan dalam diri pelajar mampu menonjolkan potensi diri mereka dengan bimbingan guru yang kompeten. Namun, dalam masa yang sama pelajar perlu sentiasa diberikan motivasi dan dorongan untuk terus belajar tanpa berputus asa. Hal ini bertepatan dengan objektif pengajaran tarannum al-Quran yang bertujuan untuk

memperkasakan kemahiran ilmu tarannum dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Lantaran itu, guru-guru perlu sentiasa memberi ruang kepada pelajar untuk menterjemah bakat mereka dalam suasana pembelajaran yang kondusif agar potensi diri yang terpendam dapat digilap dan diperkasakan lagi.

Secara keseluruhannya, tema pertama dalam penulisan ini telah menjawab secara kolektif objektif pertama iaitu mengenal pasti pengaplikasian guru pelatih terhadap strategi pengajaran berunsurkan Pembelajaran Abad Ke 21 (PAK 21) dalam pengajaran tarannum al- Quran. Guru-guru pelatih memahami bahawa pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar sesuai untuk diaplikasikan dalam pengajaran tarannum al-Quran. Selain bertujuan untuk memudahkan guru mencapai objektif pengajaran, pengaplikasiannya dalam pengajaran seiring dengan misi yang digagaskan dalam FPK, FPI dan PPPM 2013-2025 iaitu melahirkan pelajar yang berkemahiran kepimpinan. Budaya dan amalan pengajaran PAK 21 dan KBAT yang menggalakkan di sekolah juga menjadi pendorong dan suntikan semangat kepada guru-guru untuk lebih kreatif dalam menyampaikan ilmu dan pengetahuan kepada pelajar. Oleh kerana pengajaran tarannum melibatkan pembentukan kemahiran seni suara, maka semua informan telah memilih pendekatan pemusatan pelajar untuk menarik minat para pelajar di samping membuang sifat malu dan takut untuk mencuba sesuatu kemahiran yang baru.

### **Faktor Kebolehcapaian dan Penggunaan Peta i-think**

Faktor ini antara yang mendorong guru pelatih menggunakan pelbagai jenis BBM. Semua guru pelatih mempunyai peranti mudah alih dalam bentuk telefon pintar dan komputer riba. Temu bual yang dijalankan bersama informan mendapati bahawa terdapat beberapa aplikasi atau perisian yang menjadi pilihan guru pelatih untuk diaplikasikan dalam PdPc taranum al-Quran. Antara aplikasi yang boleh diperolehi (kebolehcapaian) ialah *youtube*, *kahoot*, *quizizz*, *padlet*, *power point* dan *VLE Frog*. Hal ini dapat dibuktikan melalui temu bual penyelidik bersama Ustaz Azil berkaitan perisian yang digunakan dalam pengajaran.

*“...biasanya saya akan dapatkan BBM atau nota-nota tambahan dari youtube...mcm taranum kan...kat youtube banyak sangat contoh-contoh bacaan qari’ yang masyhur...saya akan download dan tayangkan pada pelajar masa kelas...ni antara cara yang mudah sebenarnya untuk dapatkan BBM dan sebenarnya tak da alasan lagi kalau ada guru pelatih yang bagi alasan susah nak dapatkan BBM...”* (Azil)

Ustazah Amirah memilih untuk menggunakan aplikasi taranum interaktif yang dibina menggunakan kemudahan *microsoft power point* yang ada dalam komputer riba atau pun *desktop*. Kebolehcapaian aplikasi taranum ini membolehkan guru pelatih menggunakanannya sebagai bahan pengajaran yang menggabungkan dua elemen iaitu visual dan audio. Penggabungan elemen visual dan audio ini memudahkan para pelajar untuk mengikut dan meneliti setiap gerakan simbol ayat al-Quran dan nada suara qari’ yang dibacakan.

*“...saya dapatkan aplikasi taranum interaktif dari Ustaz Ahmad [bukan nama sebenar] yang dibina menggunakan microsoft power point... aplikasi ni berlatar belakangkan suara Ustaz Zainal [bukan nama sebenar] ... terkenal ustaz ni... sekarang dah jadi pengetua sekolah... aplikasi ni banyak tolong saya masa ajar taranum dengan pelajar... pelajar boleh ikut setiap*

*alunan suara yang dibacakan Ustaz Zainal... kadang-kadang saya dan Ustazah Afiqah akan buat kuiz melalui power point juga” (Amirah)*

Penyelidik juga telah melakukan pemerhatian kelas terhadap pengajaran Ustazah Amirah semasa beliau sedang mengajar taranum al-Quran dengan menggunakan BBM ini. Beliau telah membawa pelajar ke Bilik Ibnu Rusyd (bilik aktiviti KKQ) untuk memudahkan perisian tersebut ditayangkan kepada pelajar. Ustazah Amirah turut menjelaskan bahawa, “...keadaan di bilik KKQ ni sesuai kalau nak buat tayangan sebab susun atur meja kerusi yang menghadap ke depan dan keperluan teknikal serta IT yang lengkap dah pun tersedia kat dalam bilik tu...contohnya mikrofon, LCD, projektor dan speaker...”. Hal ini menunjukkan faktor kemudahan fasiliti seperti susunan kerusi meja, keperluan teknikal dan IT yang lengkap mendorong informan memilih untuk menggunakan aplikasi *power point* dalam pengajaran taranum.

Kebolehcapaian aplikasi *VLE Frog* yang disediakan oleh KPM sebagai salah satu BBM abad-21 memberikan peluang kepada guru dan pelajar menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran secara maya. Antara kemudahan yang disediakan dalam aplikasi ini ialah guru boleh memberikan tugas, latihan atau kuiz kepada pelajar, pelajar juga boleh berosal jawab dengan guru jika ada perkara yang kurang jelas dan guru juga boleh menghantar RPH melalui e-RPH dalam aplikasi ini.

*“...sekolah ni semua guru dan pelajar wajib guna VLE Frog...diorang ade ID masing-masing...jadi, kalau cikgu ada urusan luar macam meeting [mesyuarat] ke, tak sihat ke dan tak dapat masuk kelas, jadi cikgu boleh bagi tugas atau latihan kat pelajar melalui aplikasi ni... kiranya VLE Frog ni pun berfungsi macam salah satu medium pembelajaran secara maya...”*  
(Afiqah)

Dalam masa yang sama, kemudahan fasiliti IT yang disediakan pihak sekolah menjadi salah satu faktor pendorong kepada guru-guru untuk aktif menggunakan aplikasi *VLE Frog*.

*“...kemudahan internet kat sekolah laju...pengetua sediakan wifi kat beberapa premis utama kat sekolah...jadi, mudah la cikgu nak access [melayari] VLE Frog... pengetua selalu cakap dalam mesyuarat, saya dah sediakan kemudahan wifi kat sekolah, cikgu-cikgu jangan bagi alasan lagi ye tak nak aktif VLE Frog...”* (Amirah)

Disamping itu, temu bual penulis bersama Ustaz Amir mendapati bahawa antara BBM yang popular digunakan oleh guru-guru di sekolah beliau ialah peta *i-think*.

*“... peta i-think sangat popular di sekolah ini... ada unsur KBAT dan PAK 21... peta ini antara BBM yang tersusun sebenarnya dan boleh dimasukkan dalam aktiviti untuk pelajar belajar dengan otak mereka sendiri... ada 8 jenis semuanya dan setiap peta ada fungsinya tersendiri...pelajar kat sekolah ni pun ramai yang dah mahir...”* (Amir)

Situasi ini menunjukkan bahawa BBM berunsurkan KBAT dan PAK 21 sudah menjadi pengamalan guru-guru di sekolah tersebut. Budaya ini telah mendorong Ustaz Amir untuk

mengaplikasikannya dalam pengajaran tarannum al-Quran. Pemerhatian dalam kelas Ustaz Amir juga mendapati para pelajar kebanyakannya telah menguasai kesemua jenis peta *i-think* untuk mereka aplikasikan dalam pengajaran. Suasana perbincangan sesama pelajar dan berlaku soal jawab dengan guru menunjukkan bahawa kaedah pengajaran ini menepati kehendak dan keperluan psikologi pelajar. Ustaz Amir juga berperanan sebagai pemudahcara bagi para pelajar dan bertindak memantau setiap kumpulan untuk memastikan setiap isi penting pengajaran yang mereka terjemahkan ke dalam peta *i-think* adalah bertepatan dengan objektif pengajaran.

Disamping itu, Ustaz Arif memaklumkan bahawa beliau telah menggunakan peta *i-think* jenis *Double Bubble Map* (Peta Buih Berganda) semasa pengajaran tarannum al-Quran. Menurut Ustaz Arif, "...*peta buih berganda ini sesuai kalau nak bezakan sesuatu perkara... nak buat perbandingan la maksudnya... minggu lepas saya guna peta ni untuk minta pelajar bezakan jenis-jenis suara dalam tarannum...*". Pengalaman yang diceritakan oleh Ustaz Arif telah mendorong penulis untuk meneliti data dokumen yang terdapat di Laman Abad 21 di sekolah tersebut.

Penulis turut mendapatkan maklum balas dari Ustaz Arif berkaitan faktor pemilihan kaedah pengajaran dalam bentuk peta *i-think* sehingga menjadi amalan dan budaya dalam kalangan guru termasuk guru KKQ sekolah tersebut. Antara faktor yang dijelaskan oleh Ustaz Arif ialah; mudah dilaksanakan untuk semua peringkat, sesuai dengan isi pengajaran, kemampuan pelajar untuk adaptasi pengetahuan ke lakaran peta dan peruntukan masa pengajaran. Kaedah ini hanya memerlukan kertas mahjong dan *marker pen* untuk lukisan lakaran di atasnya. Ustaz Arif telah merujuk Ustaz Hanafi (bukan nama sebenar) yang berpengalaman mengajar KKQ selama lima tahun berkenaan pemilihan jenis peta yang sesuai dengan isi kandungan pengajaran.

"... *kelas KKQ ni lama... 2 jam sekali kelas... selalunya pelajar mesti penat lepas sehariyan belajar aliran perdana... jadi, cikgu kena pandai ambik hati pelajar dengan aktiviti-aktiviti yang sesuai...sebab tu Ustaz Hanafi (bukan nama sebenar) kata kalau nak buat i-think kena pastikan masa panjang sekitar 1 jam setengah ke atas...flow (peringkat) i-think ni mula dari faham konsep i-think, pilih peta i-think yang sesuai, bincangkan dengan rakan isi kandungan pembelajaran yang sesuai dimasukkan dalam peta, pembentangan dan akhir sekali, komentar dari guru dan pelajar...*" (Arif)

Secara keseluruhannya, penggunaan BBM berdasarkan aplikasi interaktif dan peta *i-think* banyak digunakan dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam. Antara perisian-perisian yang biasa diaplikasikan guru pelatih ialah *youtube*, *kahoot*, *quizizz*, *padlet*, *power point* dan *VLE Frog*. Jelas dalam kenyataan-kenyataan informan menampakkan bahawa aplikasi interaktif dan peta *i-think* tersebut berfungsi sebagai bahan sokongan kepada pengajaran tarannum al-Quran. Hal ini kerana semua jenis perisian interaktif yang dinyatakan oleh informan boleh dijana melalui peranti mudah alih seperti *smart phone* dan *laptop*. Beberapa faktor pemilihan perisian dalam pengajaran juga dinyatakan informan dalam dapatan-dapatan sebelum ini antaranya ialah susun atur kerusi dan meja di dalam kelas, kemudahan IT yang disediakan dan mudah didapati dan keperluan teknikal yang lengkap. Kemudahan-kemudahan

ini perlu disediakan di setiap sekolah sebagai salah satu inisiatif menjaga kebajikan guru dan memudahkan proses pengajaran.

## Kesimpulan

Seiring dengan transformasi pendidikan ke arah pembentukan negara baharu, guru pelatih turut mengambil peranan dalam membentuk generasi abad ke 21 dengan ilmu, pengetahuan dan kemahiran diri pelajar yang pelbagai. Guru Pelatih Pendidikan Islam khususnya diberi kepercayaan dalam mengembangkan ilmu dan kemahiran dalam pengajaran tarannum al-Quran melalui pelaksanaan program KKQ. Walaupun program KKQ merupakan salah satu aktiviti kokurikulum, namun ianya mempunyai sukanan mata pelajaran khusus iaitu; hafazan, tarannum, qiraat sab'ah, tajwid dan ulum al-Quran. Bagi memastikan kemahiran ilmu tarannum dapat dikembangkan dan diterapkan dalam diri pelajar, guru pelatih perlu memberikan sentuhan pengajaran yang lebih dinamik dan berkualiti sesuai dengan keperluan PAK 21.

Kajian ini menunjukkan bahawa guru pelatih mempunyai kesediaan mendepani PAK 21 yang cukup melalui penelitian pengaplikasian pendekatan dan kaedah pengajaran PAK 21 yang sesuai dan penggunaan BBM berkonsepkan digital dalam pengajaran tarannum al-Quran. Hal ini turut membuktikan bahawa guru pelatih berjaya mewujudkan suasana PdPc yang meriah dan aktif seiring dengan kehendak PPPM 2013-2025. Kematangan guru pelatih juga dalam mendepani masalah dan konflik ketika pengajaran juga menampakkan mereka bersedia untuk menjadi fasilitator yang baik kepada para pelajar. Walaupun tugas guru banyak dikaitkan dengan proses PdPc dalam kelas sahaja namun, peranan guru sebagai motivator juga amat diperlukan oleh pelajar hari ini memandangkan mereka dilahirkan dari budaya keluarga yang pelbagai. Maka, harapan pelajar hadir ke sekolah bukan sahaja dengan niat ingin menuntut ilmu akademik semata-mata, namun mereka juga memerlukan pembimbing, penasihat dan pemberi semangat untuk terus melangkah dan menggapai kejayaan sebenar.

Pengaplikasian pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dan penggunaan kaedah peta pemikiran (*i-think*) sedikit sebanyak telah banyak membantu guru pelatih untuk mewujudkan susasana kelas tarannum yang ceria, aktif dan ideal. Justeru, pemilihan strategi pengajaran yang sesuai dengan keperluan dan psikologi pelajar bukan sahaja mampu mewujudkan pengajaran yang berkualiti semata-mata, namun secara tidak langsung guru pelatih boleh memupuk nilai kepimpinan dalam diri pelajar. Kemenjadian pelajar ini adalah bukti kefahaman yang jelas dan komitmen tinggi yang telah ditunjukkan oleh guru pelatih dalam pengajaran tarannum al-Quran. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pengajaran tarannum al-Quran telah memenuhi tuntutan dasar dan falsafah pendidikan negara serta mendokong transformasi pendidikan seperti yang dinyatakan dalam PPPM 2013-2025.

Manakala, penggunaan BBM dalam pengajaran tarannum al-Quran mampu menjadikan sesi pembelajaran yang hambar bertukar aktif dan mendorong pelajar untuk menjadi seorang yang responsif. Suasana pembelajaran seperti ini sangat menepati ciri-ciri pembelajaran abad 21 yang merupakan keperluan pendidikan arus perdana sebagaimana juga yang telah diwarwarkan oleh KPM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Ini adalah kerana, keberjayaan sesuatu BBM itu bergantung kepada peranan yang dimainkan guru dan juga pelajar. Guru pelatih perlu memahami terlebih dahulu fungsi BBM dan cuba untuk menerangkan kepada pelajar cara penggunaan BBM yang telah disediakan. Kurikulum

pendidikan memerlukan kecekapan dan kekreatifan guru untuk diadaptasi BBM sedia ada dalam pengajaran (KPM, 2013)

## Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin. (2017). *Pembelajaran Abad Ke 21 Dalam Kepelbagai Budaya: Harapan Dan Cabaran*. Seminar Pedagogi Antarabangsa ke-8 (PEDA8), 19 September 2017
- Ab. Hamid Ali, Abdullah Yusoff, Muhammad Ridzuan Idris, Abd. Aziz Zaki Razali & Mohd Nazri Abdul Rahman. (2017). Kompetensi Guru Pelatih Di Sebuah Institut Pendidikan Guru Dalam Melaksanakan Latihan Mengajar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(2), 39-55
- Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali, Nurahimah Mohd Yusof & Mohd Isha Awang. (2016). Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Dan Masalah Yang Dihadapi Guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru Untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. *Proceeding of International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA (ICECRS), 1 (2016) 599-608 ISSN. 2548-6160
- Azmil Hashim & Jahidah Saili. (2015). Hubungan Antara Tahap Kemahiran Al-Quran Guru Dan Pencapaian Tajwid Al-Quran Pelajar KKQ Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 2015 144-151
- Bani Hidayat bin Mohd Shafie & Norhayati Fatmi Talib. (2018). Hubungan Strategi Pengajaran dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) JAKIM. *6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education*, 1(1), 239-250
- Benade, L. (2015). Teacher's Crtitical Reflective Practice in The Context of Twenty-first Century Learning. *Open Review of Educational Research*, 2 (1), 42-54.
- Braun, G., & Clarke, V. (2016). (Mis) Conceptualising Themes, Thematic Analysis, And Other Problems with Fugard and Potts' (2015) Sample-Size Tool for Thematic Analysis. *International Journal of Social Research Methodology*, 19, 739–743
- Brophy, J.E. and T.L. Good (1986). *Teacher Behavior and Student Achievement*. In Handbook of Research on Teaching, Third Edition, ed. M.C. Wittrock, 328-357. New York: MacMillan.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penulisan*. Kuala Lumpur: M.C. Graw Hill Education.
- Eadil Mat. (2010). Kelas Khas Kemahiran Al-Qur'an (KKQ): Kajian Kaedah Pelaksanaan Dan Keberkesanannya Di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) Di Daerah Gombak, Selangor. *Tesis Sarjana*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Jahidah Saili & Azmil Hashim. (2014). Pengetahuan Isi Kandungan Guru KKQ dalam Pengajaran Tajwid Al-Quran Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia, 16-31
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Kurikulum Kelas Khas Kemahiran Al-Quran, Tingkatan Satu Dua Dan Tiga*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025*. Putrajaya, Kementerian Pendidikan Malaysia

- Marin, L.M. & Halpern, D. F. (2011). Pedagogy for Developing Critical Thinking in Adolescents: Explicit Instruction Produces Greatest Gains. In *Thinking Skills and Creativity*, 6(1), 1–13.
- Masyuniza Yunos & Zamri Mahamod. (2013). Penyepaduan Kemahiran Abad Ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Pertama*, 338-352.
- Mazhair Shahroz bin Muhasip. (2014). Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Tarannum Al-Quran Di Kuala Lumpur Dan Selangor. *Tesis Sarjana*, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim & Azmil Hashim. (2017). Pendekatan Pengajaran dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia. *Jurnal Perspektif*, Special Issue 1 (2017), (79-88) 79. Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Muhamad Nasir Mohamad Salleh, Sedek Ariffin & Zulkifli Mohd Yusoff. (2017). Mastering of Tarannum al-Quran: An Analysis on Participants of al-Quran Reciting Competition in Klang and Sepang Secondary School. *QURANICA: International Journal of Quranic Research*, 9(1), 67-92
- Mohd Yusuf Ahmad. (2005). *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Ja’afar bin Nik Ismail. (2012). *Buku Qawaaid al-Tarannum*, cet. ke-5, Kuala-Lumpur: Darul Fikir, 112
- Nursafra Mohd Zhaffar, Wan Ali Akhbar Bin Wan Abdullah, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak & Maimun Akhsya Lubis. (2018). Strategi Penyoalan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Berfikir Kritis. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam and Civilization (ACER-J)*, 2(1), 72-87
- Phillips, B.S. (2013). The Effects of Role-Play On Concept Understanding and Critical Thinking Skills of Middle School Students. *Tesis Master of Science in Science Education*, Montana State University, Montana
- Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail (2018). Aplikasi ‘Konsep 4C’ Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajaran Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal (Apj)*, 1(1), 45-65.
- Rosnani Hashim, Suhailah Hussien & Juhasni Adila Juperi. (2014). *The Hikmah (Wisdom) Program: A Philosophical Inquiry for The Teaching of Islamic Education in Malaysia*. Phyllis Ghim-Lian Chew. *Muslim Education in The 21st Century*. New York: Routledge
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. (2009). *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Mohd Shafiee Hamzah, Tasnim Abd Rahman, Kasimah Kamaruddin & Nik Azeah Nik Azman. (2018). Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran: Kajian Di Masjid Unisza, *Jurnal Hadhari*, ISSN: 1985-6830
- Sihabuddin An-Nadawi. (2007). Ilmu tajwid, menurut riwayat Hafs an-Asim melalui Toriq Asyatibiyyah. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn Bhd.
- Syed Ismail Syed Mustapa. (2018). Amalan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing dalam program mentoring praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(1), 71-78.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fatimah Sahida Abdurajak. (2018). Heart of Learning: Pedagogical Practices Amongst Islamic Education Novice Teachers in the 21st Century. *Journal of Usuluddin*, 46 (1) 2018: 101-117

Wan Hilmi Wan Abdullah, Hamdi Ishak, Sabri Mohamad, Ahamad Asmadi Sakat & Wan Fakhru Razi Wan Mohammad. (2019). Ketokohan Haji Hasan Musa Dalam Seni Tarannum Di Malaysia Dan Kaedah Tilawah Al-Quran Al-Lahjah Al-Arabiyyah, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(3), 2019

Yusuf Andrian & Rusman. (2019). Implementasi Pembelajaran Abad 21 Dalam Kurikulum 2013. *Jurnal Penelitian Ilmu Pendidikan*. 12(1), 14-23

Yusmarwati Yusof, Rohayu Roddin & Halizah Awang. (2015). What Students Need, and What Teacher Did: The Impact of Teacher's Teaching Approaches to the Development of Students' Generic Competences. *Procedia -Social and Behavioral Sciences*, Volume 204(2015), 36-44

Zetty Norzuliana Mohd Rashed, Mariam Abd.Majid, Sahlawati Abu Bakar, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan & Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. (2015). Kaedah Pengajaran Guru Tilawah Al-Quran: Kajian Kes Di Maahad Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi Negeri Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 77-86